

19 JUL 1998

Annuar-Buku

PERDANA MENTERI LANCAR DANA BUKU KEBANGSAAN 5 OGOS INI

JERANTUT, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Dana Buku Kebangsaan pada 5 Ogos ini, yang akan mengumpul buku-buku untuk disalurkan ke perpustakaan desa di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa hari ini berkata orang ramai diminta memberikan sumbangan buku sama ada yang terpakai atau yang baru untuk dimanfaatkan oleh masyarakat desa menerusi dana berkenaan.

"Sumbangan bahan bacaan itu boleh dihantar kepada pejabat-pejabat pos atau stesen minyak Petronas di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kampung Angkat Desa Wawasan anjuran Pergerakan Wanita UMNO di Kampung Teh, Batu Embun di sini.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman turut hadir. Program kampung angkat itu bertujuan mewujudkan kampung yang beridentiti sendiri dan memberi peluang kepada penduduknya turut serta dalam program peningkatan ekonomi.

Annuar berkata pada masa ini terdapat 198 buah perpustakaan luar bandar di seluruh negara.

Katanya, kementerian berkenaan dengan kerjasama Kemas akan mewujudkan 1,000 buah lagi perpustakaan seumpamanya di seluruh negara bagi menanam minat suka membaca di kalangan rakyat.

Mengenai projek luar bandar, beliau berkata Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperolehi peruntukan sebanyak RM300 juta untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur, termasuk RM50 juta bagi bekalan air dan RM20 juta bagi bekalan elektrik.

Beliau menambakkata meskipun negara dilanda masalah ekonomi, namun projek-projek pembangunan untuk masyarakat luar bandar tidak terjejas, malahan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu menaikkan taraf hidup rakyat di kawasan itu.

Annuar juga meminta masyarakat desa supaya berusaha meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengurangkan import, sekaligus mengelakkan pengaliran keluar wang ke negara asing.

-- BERNAMA

KMT oba